KEDWIBAHASAAN DALAM SISTEM PENDIDIKAN DAN KAITANNYA DENGAN JATI DIRI KEBANGSAAN

PROF. DATIN DR. JURIAH LONG
Fakulti Pendidkan, UKM
juriah@ukm.my

PROF. MADYA ZAINI MAHBAR
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM
zm@ukm.my

ABSTRAK

Kedwibahasaan bermaksud keupayaan individu memahami dan menggunakan dua bahasa. Kedwibahasaan dikategorikan mengikut kecekapan berbahasa serta organisasi kognitif penutur dwibahasa. Para sarjana berpendapat kedwibahasaan mempunyai kaitan dengan jati diri, kecerdasan dan pencapaian akademik murid. Di Malaysia Akta Pendidikan 1996 memperakui bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar utama di sekolah, bahasa Inggeris adalah bahasa kedua dan mata pelajaran wajib. Tegasnya, sistem pendidikan di Malaysia berhasrat untuk menghasilkan lulusan dwibahasa yang mempunyai jati diri kebangsaan. Pada akhir abad ke-20, Malaysia dihadapi pelbagai cabaran termasuklah hasrat menjadikan Malaysia negara maju pada tahun 2020. Kementerian Pelajaran Malaysia memperakui Sistem Pendidikan Kebangsaan berupaya melengkapkan murid dengan pelbagai ilmu dan kemahiran bagi pembangunan negara serta memupuk semangat perpaduan kaum dan jati diri kebangsaan. Makalah ini melapor dan membincangkan dapatan kajian tentang ciri kedwibahasaan murid Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dalam pembelajaran Sains dan Matematik serta pembentukan jati diri murid tersebut. Kajian menggunakan kaedah kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada 1683 orang murid Tingkatan 4 dan 844 orang guru di Zon Tengah Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan lebih separuh daripada murid-murid Tingkatan 4 selesa menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam proses pembelajaran Sains dan Matematik. Aktiviti pembelajaran dan kokurikulum di SMK berjaya membentuk jati diri kebangsaan khususnya menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan agama Islam sebagai agama rasmi. Kedua-dua aktiviti ini juga dapat meningkatkan semangat perpaduan antara murid daripada pelbagai kaum dan agama. Namun murid Tingkatan 4 di SMK yang dikaji didapati kurang bersemangat untuk mengikuti latihan mempertahankan negara melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Kata kunci: Kedwibahasaan, Sistem Pendidikan Kebangsaan, jati diri

ABSTRACT

Bilingulism refers to an individual's capability to understand dan use two languages. Bilingulism is categorized according to bilingual speaker's verbal competency and cognitive organization. Scholars believe that bilingualism is related to learners' identity, intelligence and academic achievement. In Malaysia, the 1996 Education Act certifies Bahasa Melayu as the national language and main medium of instruction in schools while English as the second language and a compulsory subject. Nonetheless, Malaysia's education system aims to produce bilingual graduates who have a firm national identity. At the end of the 20th century, Malaysia has faced various challenges in its aspiration to become a developed nation by the year 2020. The Ministry of Education believes that the National Education System is capable of complementing students with various knowledge and skills for nation development and cultivating the spirit of ethnic integration and national identity. This article reports and discusses the findings of a study on the features of bilingulism among national secondary school (SMK) students in the learning of Science and Mathematics and the development of their national identity. The study employed then a quantitative approach. Samples involeved were 1683 Form Four school

students and 844 teachers in the Central Zone of Peninsular Malaysia. Findings showed that more than half of the Form Four students felt comfortable to use Bahasa Melayu and English in the process of learning Science and Mathematics. The learning and cocurricular activities were found successful in developing national identity; particularly in respecting Bahasa Melayu as the national language and Islam as the official religion. Both activities were also able to increase the spirit of solidarity among students from various ethnic groups and religion. Nevertheless, these students were found less spirited to attend the National Service Training Programme (PLKN) as a training to service the country.

***Keywords**: bilingualism, National Education System, national identity*

PENGENALAN

Di Malaysia, Dasar Pendidikan Kebangsaan yang ternyata dalam Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996 menetapkan bahasa Melayu, bahasa kebangsaan, sebagai bahasa pengantar utama dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan mata pelajaran wajib. Di samping itu, bahasa ibunda murid seperti bahasa Mandarin dan Tamil juga diajar. Di peringkat sekolah menengah bahasa-bahasa asing lain seperti bahasa Arab, Jepun, Korea dan Perancis turut diajar. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa sistem pendidikan negara Malaysia, seperti negara-negara ASEAN serantau iaitu Singapura dan Negara Brunei Darussalam, bertujuan untuk menghasilkan lulusan yang dwibahasa sifatnya (Pakir 1994; Nik Safiah 2004).

Pada dekad terakhir abad ke-20, beberapa perubahan pesat berlaku pada kehidupan rakyat Malaysia hasil daripada kemajuan sains dan teknologi serta ledakan maklumat. Pada masa yang sama rakyat Malaysia juga dihadapkan dengan cabaran untuk menjadikan Malaysia negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020 (Mahathir 1991: 2). Pendidikan adalah asas utama dalam pembangunan negara. Oleh itu, Sistem Pendidikan Kebangsaan dimantapkan bagi merealisasikan Wawasan 2020. Akta Pendidikan 1996 yang digubal bagi menangani cabaran abad ke-21 dan memenuhi tuntutan dan aspirasi Wawasan 2020, memperakui bahawa kemajuan negara perlu dicapai melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu iaitu; bahasa kebangsaan, sebagai bahasa pengantar utama serta menggunakan satu bentuk kurikulum dan sistem peperiksaan yang sama. Perakuan ini juga bermaksud bahawa sebagai sistem pendidikan di negara maju, Sistem Pendidikan Kebangsaan perlu berkemampuan untuk melengkapkan murid dengan pelbagai ilmu, kemahiran dan keterampilan yang diperlukan dalam negara maju, di samping mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, demokratik dan dinamik. Kualiti pendidikan yang dihasilkan melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan pula perlu berkualiti dan bertaraf dunia. Justeru, bahasa Inggeris terus diajar dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan sebagai bahasa kedua.

Pada tahun 2003 pula, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris untuk murid Tahun 1, Tingkatan 1, dan Tingkatan Enam Rendah. Kementerian berpendapat bahawa pendedahan awal pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dapat menguatkan asas bahasa Inggeris murid bagi memperoleh maklumat ilmu dalam bidang Sains dan

Matematik serta menambahkan konteks penggunaan bahasa Inggeris mereka (Kenyataan Akhbar Menteri Pendidikan, 20 Julai 2002). Pelaksanaan polisi ini memperakui bahawa Kementerian Pelajaran mengamalkan pendidikan dwibahasa dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Mengikut Cummins (2003) dalam pendidikan dwibahasa, dua bahasa digunakan sebagai bahasa pengajaran dan pembelajaran kandungan sesuatu mata pelajaran. Selaras dengan huraian itu, sistem pendidikan di Malaysia telah menetapkan mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris, manakala bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar mata pelajaran lain dalam kurikulum. Polisi pelaksanaan ini membuktikan secara eksplisit Kementerian Pelajaran Malaysia memberi penekanan kepada kedwibahasaan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan pada tahun 2003. Namun demikian, pada 8 Julai 2009 Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Pelajaran Malaysia telah mengumumkan bahawa pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) dimansuhkan dan mata pelajaran Sains dan Matematik akan kembali diajar dalam bahasa Melayu pada tahun 2012 di semua peringkat persekolahan. Langkah ini diambil selepas kerajaan membuat penelitian terhadap hasil-hasil kajian tentang pelaksanaan PPSMI serta keputusan beberapa sesi perbincangan meja bulat antara pihak kerajaan dengan pertubuhan dan badan-badan yang berkaitan dengan pendidikan. Pihak kerajaan juga merancang beberapa strategi bagi memantapkan penguasaan bahasa Inggeris serta memartabatkan status bahasa Melayu dalam sistem pendidikan.

Keputusan Kementerian Pelajaran ini amat tepat kerana hasil kajian Kamsiah (2000) serta pengakuan mantan Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew (Hoe 2009) tentang penekanan polisi kedwibahasaan dalam sistem pendidikan di Singapura mempunyai kesan negatif terhadap pembentukan jati diri pelajar Melayu dan Cina di Singapura. Dalam konteks pendidikan dwibahasa di Malaysia, kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa tahap bahasa Inggeris yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di Sekolah Kebangsaan tidak memuaskan (Noor Azmi 2004; Juriah et al. 2005; Marlyna & Kamariah 2007; Juriah & Zanaton 2008). Murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu boleh memahami kedua-dua bahasa tetapi lebih berkeyakinan menggunakan bahasa pertama mereka bagi mengemukakan pendapat. Tegasnya, proses pengajaran dan pembelajaran kurang berjaya untuk menghasilkan dwibahasa seimbang yang memperlihatkan penggunaan bahasa pertama dan kedua murid di sekolah (Noor Azmi 2004). Hasil kajian Marlyna dan Kamariah (2007) pula mendapati murid-murid dalam kajian mereka terdiri daripada murid Melayu, Cina dan India yang boleh berbahasa Inggeris masih menggunakan bahasa Melayu bagi merundingkan makna Sains dalam aktiviti pembelajaran di makmal sains. Marlyna dan Kamariah (2007) menghuraikan dapatan ini berasaskan keteguhan jati diri murid terhadap bahasa kebangsaan. Namun kajian Noor Azmi (2004) dan Juriah et al. (2005) pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dari segi tahap kedwibahasaan antara murid yang berbeza kumpulan etnik, lokasi sekolah, status sosioekonomi dan kumpulan pencapaian akademik. Murid-murid daripada kumpulan bukan Melayu,

bersekolah di bandar, daripada kumpulan sosioekonomi tinggi dan berpencapaian tinggi lebih cekap berbahasa Inggeris daripada yang lain.

Berdasarkan hakikat di atas, makalah ini akan membincangkan konsep kedwibahasaan, Sistem Pendidikan Kebangsaan dan jati diri kebangsaan, dan selanjutnya melapor dan membincangkan dapatan kajian tentang kedwibahasaan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan dan kaitannya dengan jati diri murid.

KONSEP KEDWIBAHASAAAN

Penulisan-penulisan terdahulu mentakrifkan kedwibahasaan dari beberapa aspek, khususnya aspek yang berkaitan dengan kecekapan berbahasa pertama dan kedua serta organisasi kognitif penutur dwibahasa. Dari aspek kecekapan bahasa, kedwibahasaan pada awalnya ditakrifkan sebagai kecekapan individu menguasai dua bahasa pada tahap yang sama dengan penutur natif bahasa tersebut (Bloomfield 1933). Namun demikian, definisi kedwibahasaan penulis-penulis selanjutnya (Weinrich 1953; Haugen 1953 dan Mackey 1962) lebih umum dan mengutamakan kecekapan individu memahami dan menggunakan dua bahasa yang dikuasainya. Haugen (1953) menjelaskan bahawa konsep dwibahasa menggambarkan keupayaan seseorang individu menghasilkan ayat-ayat yang bermakna dalam kedua-dua bahasa yang dikuasainya. Splosky (2004) pula mendefinisikan dwibahasa sebagai kebolehan seseorang melaksanakan fungsi berbahasa dalam bahasa keduanya. Sementara Mackey (1962) pula melihat kedwibahasaan sebagai satu gejala yang relatif keadaannya. Bagi beliau kedwibahasaan bukan sahaja meliputi kecekapan menguasai dua bahasa tetapi juga beberapa bahasa lain (*multilingualisme*).

Penulisan-penulisan terdahulu juga menjelaskan bahawa dari segi kecekapan berbahasa terdapat dwibahasa seimbang yang menunjukkan penutur cekap menggunakan dan mengawal bahasa pertama dan keduanya dalam konteks penggunaan (Ng & Wigglesworth 2007). Sebaliknya dwibahasa terhad pula menunjukkan kecekapan bahasa kedua penutur yang terhad. Dwibahasa dominan pula menunjukkan individu yang dominan dalam satu bahasa yang dikuasainya, manakala bahasa yang kurang cekap dikuasainya ialah bahasa subordinatnya. Baker (1988) dan Cummins (1992) pula menggunakan istilah dwibahasa additif dan subtraktif bagi menghuraikan kecekapan berbahasa penutur dwibahasa. Mereka berpendapat dwibahasa additif terhasil apabila seseorang penutur dwibahasa bukan sahaja terus dapat mengembangkan bahasa pertama atau bahasa ibunda dalam konteks budayanya tetapi penutur itu juga dapat menambahkan kecekapan berbahasa dalam bahasa keduanya. Sebaliknya, Baker (1988) dan Cummins (1992) menjelaskan bahawa dwibahasa subtraktif pula terhasil daripada penekanan yang terlalu banyak diberi kepada penguasaan bahasa kedua sehinggakan penutur dwibahasa mengenepikan penggunaan bahasa pertama serta budayanya. Akhirnya penutur hilang jati diri dan akar umbinya (Baker 1988:182).

Berdasarkan organisasi kognitif penutur dwibahasa pula, terdapat dwibahasa kompaun dan koordinat (Spolsky 2004). Dwibahasa kompaun

merujuk kepada keadaan di mana individu menguasai bahasa pertama dan kedua secara serentak, contohnya kanak-kanak yang dilahirkan dalam keluarga perkahwinan campur. Dalam keadaan ini kedua-dua sistem bahasa kanak-kanak tersebut bercantum pada satu asas semantik. Oleh itu, dalam penggunaan bahasa penutur dwibahasa kompaun sering berlaku gangguan bahasa antara kedua-dua bahasa yang dikuasainya. Sementara penutur dwibahasa koordinat pula mempunyai dua sistem semantik yang berbeza bagi bahasa pertama dan keduanya sebab kedua-dua bahasa tersebut dikuasai dalam dua konteks yang berbeza.

Ahli bahasa terdahulu juga menjelaskan bahawa apabila dua atau lebih bahasa wujud dalam sesebuah komuniti, pengguna bahasa sering mengamalkan pertukaran kod (Sridhar 1996; Ludi 2003; Ng & Wigglesworth 2007). Blom dan Gumperz (1972) pula mengkategorikan dua jenis pertukaran kod iaitu pertukaran kod situasi dan pertukaran kod metafora. Pertukaran kod situasi terhasil daripada perubahan situasi, contohnya; pertukaran tajuk perbualan, setting perbualan ataupun wujud penglibatan baru dalam perbualan. Pertukaran kod metafora pula berlaku sebab berlaku perubahan fungsi stylistik atau tekstual dalam perbualan, contohnya; memberi petunjuk kepada sesuatu petikan atau kata-kata jenaka.

Tegasnya, berdasarkan huraian di atas ternyata bahawa pertukaran kod adalah satu perlakuan bahasa penutur dwibahasa yang mahir bagi memenuhi hasrat komunikatif mereka. Dalam komuniti pelbagai bahasa ahlinya peka terhadap kod bahasa yang sesuai bagi memenuhi fungsi komunikatif dalam sesuatu perbualan. Namun demikian, penyelidik terdahulu juga membezakan konsep pertukaran kod dengan percampuran kod (Sridhar 1996; Nor Azmi 2004 & Ng & Wigglesworth 2007). Pada pendapat mereka pertukaran kod bahasa berlaku antara satu klausa atau ayat. Sementara percampuran kod bahasa pula berlaku dalam satu klausa atau ayat. Umumnya, guru-guru dan sesetengah ahli bahasa menganggap percampuran kod sebagai unsur penggunaan bahasa yang negatif yang menggambarkan penutur tidak menguasai bahasa keduanya dengan baik (Hassan 2000).

SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pembentukan sistem pendidikan kebangsaan adalah berasaskan cadangan-cadangan dalam Penyata Razak 1956. Jawatankuasa Pelajaran yang ditubuhkan menjelang kemerdekaan ini dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak, Menteri Pelajaran pada ketika itu, bertanggungjawab untuk mewujudkan satu Sistem Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang dapat menyatupadukan kanak-kanak daripada pelbagai kaum di negara ini melalui satu peraturan pelajaran yang menggunakan bahasa Melayu, bahasa kebangsaan, sebagai pengantar utama (Federation of Malaya 1956). Bahasa Inggeris diajar sebagai mata pelajaran wajib. Sekolah-sekolah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan pula menggunakan sukatan pelajaran kebangsaan yang sama dan murid-murid juga menduduki satu sistem peperiksaan yang sama.

Sistem Pendidikan Kebangsaan mula dilaksanakan pada tahun 1957. Selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Sistem Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang

diperundangkan oleh Ordinan Pelajaran 1957 telah mengalami beberapa perubahan selaras dengan tuntutan dan cabaran-cabaran pendidikan semasa. Namun, Dasar Pendidikan Kebangsaan sentiasa mengutamakan isu perpaduan murid daripada pelbagai kaum.

Pada tahun 1960, Jawatankuasa Rahman Talib ditubuhkan bagi mengkaji semula Dasar Pendidikan Kebangsaan yang dikemukakan dalam Penyata Jawatankuasa 1956 serta mengemukakan cadangan-cadangan yang lain. Cadangan yang terkandung dalam Penyata Rahman Talib 1960 menunjukkan keazaman kerajaan pada ketika itu membentuk satu sistem pendidikan bersifat kebangsaan yang bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum. Cadangan-cadangan dalam Penyata Razak 19456 serta Penyata Rahman Talib 1960 telah dijadikan asas kepada penggubalan Akta Pelajaran 1961.

Penyata Rahman Talib 1960 juga telah mengesyorkan supaya tindakan diambil untuk menukarkan bahasa pengantar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris kepada sekolah kebangsaan yang berbahasa pengantar bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu. Namun demikian, tindakan yang konkrit terhadap pertukaran bahasa pengantar tersebut tidak dilaksanakan sehingga tahun 1970-an kerana adanya tentangan daripada golongan-golongan tertentu. Selepas peristiwa 13 Mei 2969, kerajaan telah melaksanakan perubahan bahasa pengantar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris ke bahasa kebangsaan. Pada bulan Julai 1972, YB Dato' Hussein Onn, Menteri Pelajaran Malaysia pada masa itu, telah mengumumkan program penukaran bahasa pengantar Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris secara beransur-ansur ke bahasa pengantar bahasa Melayu. Jadual penukaran bahasa pengantar ini menetapkan bahawa semua kursus sehingga ke peringkat universiti menggunakan bahasa Melayu pada tahun 1983.

Pada tahun 1974, Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Dr. Mahathir Mohamed telah ditubuhkan bagi mengkaji sama ada pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan dapat memenuhi keperluan tenaga kerja, di samping dapat melahirkan rakyat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih (Kementerian Pelajaran Malaysia 1979: 1). Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 memperakui peranan bahasa kebangsaan sebagai pengantar utama dan mata pelajaran wajib dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Namun demikian, Jawatankuasa ini berpendapat bahawa matlamat negara untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisplin dan terlatih tidak mungkin berjaya melalui kurikulum sekolah rendah dan menengah yang lama. Jawatankuasa mencadangkan penyemakan semula seluruh kurikulum persekolahan rendah dan menengah. Lanjutan daripada perakuan laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, Kementerian Pendidikan telah menggubal Kurikulum Baru/Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989. Kementerian juga telah menggubal Falsafah Pendidikan pada tahun 1988 bagi menenguhkan hala tuju dan matlamat pendidikan negara. Falsafah ini memberi penekanan kepada pendidikan yang menyeluruh dan sepadu bagi membentuk murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Ciri-ciri dalam Falsafah Pendidikan telah diberi perhatian dalam penggubalan kurikulum sekolah kebangsaan khususnya

dalam penggubalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989.

Beberapa perubahan pesat berlaku pada kehidupan rakyat pada akhir abad ke-20 hasil daripada kemajuan sains dan teknologi serta ledakan maklumat. Rakyat Malaysia juga telah dihadapkan dengan cabaran untuk menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020 (Mahathir Mohamed 1991). Pendidikan adalah asas utama bagi pembangunan negara. Oleh itu, sistem pendidikan kebangsaan perlu diperkasa dan dimantapkan bagi merealisasikan Wawasan 2020. Akta Pelajaran 1961 telah disemak dan Akta Pendidikan 1996 telah digubal bagi menangani cabaran abad ke-21 dan memenuhi tuntutan dan aspirasi Wawasan 2020.

Akta Pelajaran 1996 (Akta 550) memperakui bahawa Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan dilaksanakan melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai pengantar utama serta menggunakan satu bentuk kurikulum dan satu peperiksaan yang sama (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang 1998: 13). Akta Pendidikan 1996 juga menetapkan bahawa Sistem Pendidikan Kebangsaan terdiri daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan pendidikan bantuan kerajaan dan institusi pendidikan swasta. Bahasa kebangsaan adalah bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, kecuali di Sekolah Jenis Kebangsaan ataupun mana-mana institusi pendidikan yang diberi pengecualian oleh Menteri Pendidikan (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang 1998: 25). Jika bahasa pengantar utama di institusi pendidikan telah diberi pengecualian oleh Kementerian Pendidikan, maka bahasa kebangsaan perlu diajar sebagai mata pelajaran wajib. Kelulusan dalam mata pelajaran ini adalah prasyarat bagi penganugerahan sijil, diploma, dan ijazah kepada pelajar-pelajar di institusi swasta tersebut. Tegasnya Akta Pendidikan 1996 telah memperluaskan konsep Sistem Pendidikan Kebangsaan untuk merangkumi semua peringkat persekolahan serta kategori institusi pendidikan. Di institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu adalah bahasa pengantar utama. Namun demikian, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk memberi pengecualian kepada mana-mana institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan menggunakan bahasa lain sebagai bahasa pengantar. Perubahan terhadap Sistem Pendidikan ini dibuat selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang bermutu tinggi dan bertaraf dunia (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang 1998).

Berdasarkan huraian di atas ternyata bahawa Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan yang berasaskan syor-syor Penyata Razak 1956 dan termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1957 telah mengalami beberapa perubahan pada akhir abad ke-20 selaras dengan tuntutan dan cabaran semasa. Namun demikian, tujuan utama Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan seperti berikut masih kekal dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara sehingga kini iaitu: (i) Sistem Pendidikan Kebangsaan adalah untuk semua rakyat Malaysia; (ii) Bahasa Melayu adalah bahasa pengantar utama dalam sistem persekolahan; (iii) sekolah-sekolah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan menggunakan

kurikulum kebangsaan dan Sukatan Pelajaran yang sama; dan (iv) semua murid dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan menduduki sistem peperiksaan yang sama.

JATI DIRI KEBANGSAAN

Konsep jati diri atau identiti diri wujud dalam diri seseorang pada dua peringkat iaitu pada peringkat diri individu serta kelompok sosial yang dianggotainya. Pada peringkat individu jati diri atau identiti diri adalah sifat, ciri dan fikrah yang ada pada seseorang individu yang membezakannya dengan individu yang lain. Namun, jati diri atau identiti diri seseorang individu tidak terhasil daripada komponen psikologi sahaja tetapi ia juga terhasil melalui proses sosialisasi individu tersebut dalam masyarakat yang dianggotainya. Justeru, jati diri atau identiti diri seseorang individu merangkumi sifat dan ciri individu serta ciri sosiobudaya (Ta rbouret-Keller 1997; Edwards 2003). Ahli sosiolinguistik dan sarjana bahasa menjelaskan bahawa perlakuan penutur sesuatu bahasa mencerminkan jati dirinya serta kumpulan masyarakat bahasanya. Jadi identiti sosial yang wujud dalam diri seseorang individu dapat membantu individu tersebut mengenali dirinya serta peranannya dalam masyarakat bahasanya. Peribahasa Melayu 'Bahasa jiwa bangsa' menggambarkan jati diri atau identiti pengguna dengan bahasa ibundanya. Dalam konteks jati diri kebangsaan, Hassan (2007) menjelaskan bahawa bahasa kebangsaan Malaysia seperti yang ternyata dalam Perlembagaan dan Perundangan Malaysia ialah bahasa Melayu, jadi bahasa Melayu adalah jiwa 'bangsa Malaysia' yang terdiri daripada pelbagai golongan etnik. Melalui bahasa kebangsaan inilah bangsa Malaysia dapat memperkenalkan identiti diri mereka. Hassan juga berpendapat selain daripada bahasa, faktor budaya, sejarah, agama juga membentuk jati diri sesuatu bangsa.

Selepas negara merdeka pada tahun 1957 dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963 kerajaan telah merangka pelbagai agenda ke arah mengisi kemerdekaan dan mendaulatkan bangsa. Agenda ini merupakan inti pati pembentukan negara bangsa malah menjadi prasyarat kepada kelangsungan 'survival' dan jati diri bangsa Malaysia (INTAN 1992). Sehubungan itu, beberapa dasar negara seperti Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Bahasa Kebangsaan, dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah digubal oleh kerajaan yang bertujuan ke arah pembentukan jati diri negara bangsa Malaysia. Di samping itu, kerajaan juga telah mewujudkan ideologi negara, iaitu Rukun Negara yang mengandungi prinsip-prinsip bagi melahirkan perpaduan yang erat dalam kalangan rakyat Malaysia (Ghazali 1997).

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum. Justeru, hasrat kerajaan untuk membentuk Negara Bangsa atau *Nation State* yang bersatu padu, bermaruah dan mempunyai jati diri kebangsaan merupakan cabaran yang mesti dihadapi untuk merealisasikan cita-cita untuk menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020 (Mahathir 1991). Malaysia menyasarkan bahawa masyarakat yang berjati diri penting bagi penghasilan modal insan berkualiti serta mempunyai daya penghayatan serta penghargaan yang tinggi terhadap budaya, kesenian, warisan serta sejarah negara, bangsa dan agamanya.

Pada tahun 2006, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menghasilkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006 – 2010) yang menggariskan rangka kerja pelaksanaan KPM bagi meningkatkan martabat pendidikan di Malaysia ke taraf dunia serta mencapai matlamat pendidikan berkualiti untuk semua (KPM 2006). PIPP telah menggariskan enam teras strategik bagi mencapai matlamat pendidikan negara. Antaranya termasuklah usaha untuk membina negara bangsa.

Dalam usaha membina Negara Bangsa, KPM berhasrat untuk membangunkan warganegara dari awal persekolahan dengan ciri-ciri glokal, patriotik dan cintakan negara serta menyanjung dan menjunjung warisan budaya dan kesenian bangsa. Peranan pendidikan penting untuk melahirkan semangat cintakan negara. KPM berhadapan dengan cabaran besar untuk melahirkan murid dengan ciri-ciri individu dan masyarakat bangsa Malaysia. Justeru, harapan KPM adalah memupuk jati diri kebangsaan dalam kalangan murid melalui program kurikulum dan aktiviti kokurikulum. Sistem Pendidikan Kebangsaan dalam era ini perlu mampu melahirkan warganegara glokal yang berkebolehan bertindak dengan bijak untuk menghadapi cabaran dan ancaman globalisasi dan liberalisasi. Fokus KPM dalam membina Negara Bangsa yang mempunyai jati diri kebangsaan meliputi usaha-usaha berikut:

> Memperkasa Bahasa Kebangsaan sebagai asas perpaduan dan bahasa ilmu;
> Memantapkan perpaduan dan integrasi nasional;
> Memupuk kecintaan terhadap seni, warisan dan budaya bangsa; dan
> Memupuk kefahaman yang jelas terhadap pendekatan Islam Hadhari dalam membentuk pemikiran dan kehidupan.
>
> (Kementerian Pelajaran Malaysia 2006: 40)

Ahli bahasa tempatan dan barat (Fishman 1968; Asmah 1998; Hassan 2007) bersetuju bahawa bahasa merupakan salah satu alat kesatuan dan identiti simbolik bagi pembinaan jati diri kebangsaan sesebuah Negara Bangsa. Fishman (1968) dalam Asmah (1998) menggunakan dua konsep iaitu; nasionalisme/kebangsaan dan nasionisme bagi menghuraikan perancangan dan penggunaan bahasa di sesebuah negara. Mengikut Fishman konsep nasionalisme adalah proses transformasi daripada keetnikan yang berpecah-pecah dan terikat dengan tradisi kepada kebangsaan yang menyatukan dan memberi ideologi kepada sesuatu bangsa. Fishman (1968) menjelaskan bahasa nasionalisme/bahasa kebangsaan adalah alat penyatuan rakyat dan identiti simbolik.

Asmah (1988) juga menggunakan kedua-dua konsep yang diutarakan oleh Fishman (1968) untuk menghuraikan perancangan bahasa dan status bahasa kebangsaan serta bahasa Inggeris di Malaysia. Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 dan Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi serta bahasa pengantar ilmu dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Bahasa Kebangsaan adalah alat perpaduan antara masyarakat berbilang kaum di Malaysia serta simbol identiti kebangsaan masyarakat di Malaysia. Namun demikian, nasionisme yang disokong dengan kemahiran dalam bahasa Inggeris dipentingkan oleh kerajaan Malaysia. Kerajaan telah berusaha untuk membangunkan Malaysia bagi mencapai taraf negara maju

dan perindustrian serta mendapat tempat dalam arena antarabangsa melalui langkah meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Namun demikian, Hassan (2007) mempunyai pandangan yang berbeza tentang nasionalisme bahasa. Hassan berpendapat nasionalisme bahasa berfungsi sebagai pembentuk identiti dan tamadun sesuatu bangsa. Bahasa Kebangsaan yang menjadi jati diri kebangsaan sesuatu bahasa bukan sahaja penting untuk mengekalkan identiti bangsa tersebut tetapi juga berperanan untuk menjadi asas pembinaan negara dan memajukan bangsa melalui kreativiti minda bangsanya yang hanya dapat tercetus melalui bahasa sendiri. Berdasarkan huraian di atas ternyata bahawa bahasa kebangsaan merupakan simbol dan identiti jati diri kebangsaan bagi Negara Bangsa Malaysia.

KAJIAN KEDWIBAHASAAN DALAM SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN DAN KAITANNYA DENGAN PEMBENTUKAN JATI DIRI KEBANGSAAN MURID DI SMK

Kajian berbentuk kuantitatif dan kualitatif ini bertujuan untuk mendapat maklumat tentang ciri-ciri kedwibahasaan murid Tingkatan 4 di Zon Tengah Semenanjung Malaysia dalam pembelajaran Sains dan Matematik. Kajian juga bertujuan untuk mengkaji penghayatan jati diri kebangsaan murid dwibahasa dalam proses pembelajaran dan aktiviti kokurikulum dan selanjutnya menentukan kaitan antara dwibahasa dan jati diri kebangsaan dengan kumpulan etnik murid. Seramai 2527 sampel digunakan dalam kajian. Sampel terdiri daripada 1683 orang murid Tingkatan 4 dan 844 orang guru. Data kajian dikumpul melalui soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferens.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Tahap Pencapaian Murid dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR)

Kajian mendapati murid telah lulus peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2008. Sebanyak 47.4% murid mendapat gred A dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, 39.0% murid mendapat gred A dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, 39.1% murid mendapat gred A dalam mata pelajaran Sains dan 52.2% murid mendapat gred A dalam mata pelajaran Matematik. Untuk maklumat terperinci, lihat Jadual 1.

Jadual 1: Peratus Pencapaian Murid bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik dalam Peperiksaan PMR 2008

Mata Pelajaran	Gred A	Gred B	Gred C	Gred D	Gred E
Bahasa	47.4	39.0	9.5	3.4	0.9

Melayu	39.0	33.9	16.8	8.3	2.0
Bahasa	39.1	29.1	18.5	11.4	1.9
Inggeris	52.2	19.7	13.7	12.4	2.0
Sains					
Matematik					

Dapatan kajian ini menunjukkan pencapaian murid yang agak rendah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Sains; kurang daripada 40% mendapat gred A. Kelemahan pencapaian murid dalam Bahasa Inggeris telah menyebabkan mereka juga lemah dalam mata pelajaran Sains sebab mata pelajaran itu diajar dalam bahasa Inggeris. Bagi mata pelajaran Matematik yang diajar dalam bahasa Inggeris, peratus pencapaian gred A adalah yang tertinggi (52.2%). Walaupun Matematik juga diajar dalam bahasa Inggeris, namun ia tidak banyak menggunakan laras bahasa berbanding dengan mata pelajaran Sains. Pada hakikatnya, mata pelajaran Matematik lebih menekankan aspek pengiraan dan bahasa Matematik yang melibatkaan notasi dan simbol. Dapatan kajian ini menyokong kajian-kajian terdahulu (Noor Azmi 2004; Juriah et al. 2005; Marlyna & Kamariah 2007; Juriah & Zanaton 2008) yang mendapati tahap bahasa Inggeris murid yang digunakan dalam pembelajaran Sains dan Matematik tidak memuaskan.

Latar Belakang Dwibahasa Murid: Penggunaan BM dan BI Murid Tingkatan 4 di Rumah

Kajian mendapati **s**ebanyak 62.2% murid kerap menggunakan bahasa Melayu bila bercakap dengan ibu bapa mereka. Mereka juga menyatakan kerap mengguna bahasa Inggeris (36.4%), bahasa Mandarin (22.8%), bahasa Tamil (14.8%) dan bahasa-bahasa lain (5.5%). Murid juga memberi respons yang mereka kerap menggunakan bahasa Melayu (64.1%) apabila bercakap dengan adik beradik. Sebanyak 48.1% murid pula kerap menggunakan bahasa Inggeris dan 22.7% murid bercakap bahasa Mandarin manakala 14.0% bercakap bahasa Tamil. Sila lihat Jadual 2 di bawah untuk maklumat terperinci.

Jadual 2: Peratus Kekerapan Penggunaan Bahasa Murid di Rumah (N=1683)

Bil.	Pernyataan	Kekerapan (%)
1.	Bahasa yang digunakan apabila bercakap dengan ibu bapa	
	i) Bahasa Melayu	62.2
	ii) Bahasa Inggeris	36.4
	iii) Bahasa Mandarin	22.6
	iv) Bahasa Tamil	14.9
	v) Bahasa-bahasa lain	7.5

2	Bahasa yang digunakan apabila bercakap dengan adik beradik.	
	i) Bahasa Melayu	64.1
	ii) Bahasa Inggeris	41.8
	iii) Bahasa Mandarin	22.7
	iv) Bahasa Tamil	14.0
	v) Bahasa-bahasa lain	5.6

Taburan silang menunjukkan, daripada 62.0% murid yang bercakap bahasa Melayu dengan ibu bapa mereka, didapati murid dalam kalangan kaum Melayu adalah yang tertinggi, iaitu 97.7%. Manakala murid dalam kalangan kaum Cina hanya 9.0% dan kaum India 23.6%.

Daripada 36.4% murid yang bercakap bahasa Inggeris dengan ibu bapa mereka, didapati murid dalam kalangan kaum India adalah yang tertinggi, iaitu 66.8%. Manakala murid Cina hanya 36.5% dan murid Melayu 23.6%.

Taburan silang menunjukkan, daripada 64.1% murid yang bercakap bahasa Melayu dengan adik beradik mereka, didapati murid dalam kalangan kaum Melayu adalah yang tertinggi, iaitu 97.3%. Manakala murid Cina hanya 10.9% dan murid India 33.6%. Sementara daripada 41.8% murid yang bercakap bahasa Inggeris dengan adik beradik mereka, didapati murid dalam kalangan kaum India adalah yang tertinggi, iaitu 76.1%. Manakala murid Cina hanya 37.7% dan murid Melayu 32.9%.

Dari segi penggunaan dwibahasa (Melayu dan Inggeris) dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga kumpulan etnik menggunakan kedua-dua bahasa apabila bertutur dengan ibu bapa dan adik beradik mereka. Namun demikian, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kaum Melayu lebih kerap menggunakan bahasa Melayu, sebaliknya kaum India lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan murid daripada kumpulan etnik yang lain. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Noor Azmi (2004) dan Juriah et al. (2005) yang mendapati terdapat perbezaan dari segi tahap kedwibahasaan antara pelajar yang berbeza dari segi faktor latar belakang seperti kumpulan etnik, lokasi sekolah, status sosioekonomi dan pencapaian akademik. Pelajar dari kumpulan bukan Melayu, sekolah di bandar, daripada sosioekonomi tinggi dan berpencapaian tinggi lebih cekap berbahasa Inggeris.

Penghayatan Jati Diri Kebangsaan Murid Tingkatan 4 Terhadap BM sebagai Bahasa Kebangsaaan dan Bahasa Pengantar Ilmu di Sekolah

Dari segi penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar ilmu, 76.1% murid bersetuju bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan rakyat Malaysia, sementara 66.6% murid bersetuju bahasa Melayu adalah bahasa pengantar utama di sekolah dan sebahagian besar (70.0%) murid juga berpendapat bahasa Melayu dipelajari bukan untuk lulus peperiksaan sahaja. Sila lihat Jadual 3.

Jadual 3 Penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaaan dan Pengantar Utama di Sekolah Mengikut Persepsi Murid

	Sikap Terhadap Bahasa Kebangsaan	Setuju (%)
i.	Saya lebih cenderung untuk bercakap dalam BM	57.6
ii.	Bahasa Melayu penting untuk mendapatkan pekerjaan	53.4
iii.	Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan rakyat Malaysia	76.1
iv.	Bahasa Melayu perlu dipelajari untuk lulus peperiksaan sahaja	29.4
v.	Bahasa Melayu adalah bahasa pengantar utama di sekolah	66.6

Analisis tabulasi silang menggunakan statistik khi-kuasa dua antara kumpulan kaum dan persepsi murid terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar utama di sekolah bagi setiap pernyataan melainkan bahasa Melayu perlu dipelajari untuk lulus peperiksaan sahaja menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan dari segi peratus persetujuan. Murid Melayu (92.9%) dan India (71.8%) memberi persetujuan yang tinggi terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan rakyat Malaysia. Pola yang sama ditunjukkan oleh murid Melayu (86.4%) dan murid India (56.3%) terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah. Lihat Jadual 4.

Jadual 4 Persepsi Murid mengikut Kaum terhadap Penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Pengantar Utama di Sekolah

Pernyataan	% Kekerapan Mengikut Kaum				
	M	C	I	L	Sig
i. Saya lebih cenderung untuk bercakap dalam BM	84.2	17.4	30.4	26.3	*
ii. BM penting untuk mendapatkan pekerjaan	67.8	24.6	49.8	26.3	*
iii. BM adalah bahasa kebangsaan rakyat Malaysia	92.9	42.0	71.8	55.6	*
iv. BM perlu dipelajari untuk lulus peperiksaan sahaja	29.5	29.2	29.3	3.6	*
v. BM adalah bahasa pengantar utama di sekolah	86.4	30.4	56.3	47.4	*

* Khi kuasa-dua signifikan pada aras $\alpha = 0.05$

Analisis data kajian mengikut kaum tentang penghayatan jati diri kebangsaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar ilmu mendapati murid Melayu dan India berbanding dengan murid-murid Cina lebih menghayati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar ilmu. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak semua murid di SMK yang dikaji menghayati jati diri kebangsaan

sepenuhnya dari segi penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan pengantar utama seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan dan Perundangan Malaysia.

Penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Murid Tingkatan 4 Dalam Pembelajaran Sains dan Matematik

Dapatan kajian menunjukkan 77.8% murid kerap menerima pengetahuan daripada guru yang mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Semasa pembelajaran dalam bilik darjah, murid (68.8%) memahami konsep-konsep Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Namun demikian, 39.2% murid hanya dapat memahaminya setelah guru menerangkan konsep Sains dan Matematik terlebih dahulu dalam bahasa Melayu. Dapatan juga menunjukkan 71.4% murid kerap menjawab soalan Sains dan Matematik yang diberikan oleh guru dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, hanya 44.3% menyatakan mereka kerap bersoal jawab konsep Sains dan Matematik dengan guru dalam bahasa Inggeris.Sila lihat Jadual 5 di bawah.

Jadual 5 Peratus Kekerapan Penggunaan Dwibahasa Murid dalam Pembelajaran Sains dan Matematik

Pernyataan	Kekerapan (%)
i. Saya menerima pengetahuan daripada guru yang mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.	77.8
ii. Saya memahami konsep-konsep Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris semasa pembelajaran.	68.8
iii. Saya memahami konsep-konsep Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, selepas guru menerangkannya terlebih dahulu dalam bahasa Melayu.	39.2
iv. Saya mencampurkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk menerangkan konsep-konsep Sains dan Matematik kepada rakan.	50.7
v. Saya menjawab soalan-soalan Sains dan Matematik yang diberi oleh guru dalam bahasa Inggeris.	71.4
vi. Saya mencampurkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk menjawab soalan-soalan Sains dan Matematik yang diberi oleh guru.	34.6
vii. Saya bersoal jawab tentang konsep-konsep Sains dan Matematik dengan guru dalam bahasa Inggeris.	44.3
viii. Saya mencampurkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk bersoal jawab tentang konsep-konsep Sains dan Matematik dengan guru.	39.4
ix. Saya mencampurkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris apabila berbincang konsep-konsep Sains dan Matematik dengan rakan.	39.7

Murid juga kerap mencampurkan penggunaan BM dan BI dalam pembelajaran Sains dan Matematik. Sebanyak 50.7% murid mencampurkan BM dan BI semasa menerangkan konsep Sains dan Matematik kepada rakan;

34.6% murid mencampurkan BM dan BI untuk menjawab soalan guru; sementara 39.7% murid mencampurkan BM dan BI apabila berbincang konsep Sains dan Matematik dengan rakan mereka. Hasil kajian ini menunjukkan murid menggunakan bahasa Inggeris dalam pembelajaran Sains dan Matematik. Walau bagaimanapun, dalam aktiviti pembelajaran yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi seperti berbincang dan menerangkan konsep-konsep Sains dan Matematik, mereka mencampurkan kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris.

Analisis tabulasi silang menggunakan statistik khi-kuasa dua antara kumpulan kaum dan kekerapan penggunaan dwibahasa murid dalam pembelajaran Sains dan Matematik bagi setiap pernyataan menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan dari segi peratus kekerapan penggunaan dwibahasa. Kajian mendapati peratus murid bukan Melayu (Cina 80.1%, India 83.2%) lebih kerap dapat menerima pengetahuan daripada guru yang mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, berbanding dengan murid Melayu (75.5%). Dari segi pemahaman konsep-konsep Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, dapatan kajian menunjukkan pola yang sama, iaitu 79.6% murid Cina dan 83.9% murid India, berbanding hanya 59.2% murid Melayu. Untuk memahami konsep-konsep Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, 48.5% murid Melayu dapat memahaminya selepas guru menerangkan konsep-konsep tersebut dalam bahasa Melayu. Sebaliknya, hanya sebilangan kecil sahaja murid bukan Melayu (antara 15.8% hingga 35.4%) memerlukan penerangan guru dalam bahasa Melayu. Dalam aspek menjawab soalan Sains dan Mateamtik dalam bahasa Inggeris, dapatan kajian menunjukkan peratus kekerapan murid Melayu juga rendah, berbanding murid bukan Melayu (Melayu 62.9%, murid bukan Melayu antara 80.5% hingga 89.5%).

Dari segi bersoal jawab tentang konsep Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, kekerapan murid Melayu juga didapati amat rendah (25.6%), berbanding dengan murid bukan Melayu (66.4% hingga 89.5%). Sebaliknya, murid Melayu lebih kerap mencampurkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk bersoal jawab dengan guru (50.6%) dan berbincang dengan rakan (51.2%) tentang konsep Sains dan Matematik. Sila lihat Jadual 6.

Jadual 6 Peratus Kekerapan Penggunaan Dwibahasa Murid dalam Pembelajaran Sains dan Matematik

Pernyataan	% Kekerapan Mengikut Kaum				
	M	C	I	L	Sig
i. Saya menerima pengetahuan daripada guru yang mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.	75.5	80.1	83.2	77.8	*
ii. Saya memahami konsep-konsep Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris semasa pembelajaran.	59.2	79.6	83.9	94.7	*
iii. Saya memahami konsep-konsep Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, selepas guru menerangkannya terlebih dahulu dalam	48.5	21.3	35.4	15.8	*

bahasa Melayu.

iv.	Saya mencampurkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk menerangkan konsep-konsep Sains dan Matematik kepada rakan.	66.1	22.7	42.5	15.8	*
v.	Saya menjawab soalan-soalan Sains dan Matematik yang diberi oleh guru dalam bahasa Inggeris.	62.9	80.5	84.6	89.5	*
vi.	Saya mencampurkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk menjawab soalan-soalan Sains dan Matematik yang diberi oleh guru.	47.0	14.1	24.5	10.5	*
vii.	Saya bersoal jawab tentang konsep-konsep Sains dan Matematik dengan guru dalam bahasa Inggeris.	25.6	66.4	71.1	89.5	*
viii.	Saya mencampurkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk bersoal jawab tentang konsep-konsep Sains dan Matematik dengan guru.	50.6	19.4	32.6	21.1	*
ix.	Saya mencampurkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris apabila berbincang konsep-konsep Sains dan Matematik dengan rakan.	51.2	16.3	38.1	8.0	*

* Khi kuasa-dua signifikan pada aras α = 0.05

Secara keseluruhannya, didapati dalam penggunaan dwibahasa murid dalam pembelajaran Sains dan Matematik, murid bukan Melayu lebih dominan berbahasa Inggeris dan menggunakannya dengan lebih kerap dalam pembelajaran berbanding dengan murid Melayu. Sebaliknya ciri dwibahasa murid-murid Melayu dalam kajian ini lebih berbentuk dwibahasa terhad kerena mereka lebih kerap mencampurkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam pembelajaran. Dapatan kajian menyokong dapatan-dapatan terdahulu (Noor Azmi 2004; Juriah et al. 2005).

Penghormatan Terhadap Agama Islam Sebagai Agama Rasmi dan Penghayatan Nilai Patriotisme dalam Kalangan Murid Tingkatan 4

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan murid (76.9%) menghormati agama Islam sebagai agama rasmi negara Malaysia. Sebanyak 84.9% bersetuju sesi persekolahan ditamatkan awal pada hari Jumaat untuk membolehkan murid Islam menunaikan solat Jumaat. Sementara itu, dari segi penghayatan nilai patriotisme dalam kalangan murid, didapati 67.2% murid mengakui bahawa aktiviti badan beruniform yang melibatkan murid daripada pelbagai kaum dan agama dapat menanamkan semangat perpaduan dan cintakan negara (patriotisme). Namun demikian, hanya 46.0% murid berbangga untuk mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Sila lihat Jadual 7.

Jadual 7 Penghormatan terhadap Agama Islam sebagai Agama Rasmi, dan Penghayatan Nilai Patriotisme Murid

Pernyataan	Setuju (%)
i. Saya menghormati agama Islam sebagai agama rasmi negara Malaysia.	76.9
ii. Saya setuju sesi persekolahan di tamatkan awal pada hari Jumaat untuk membolehkan murid-murid Islam menunaikan solat Jumaat.	84.9
iii Saya dapat menanamkan semangat cintakan negara (patriotisme) melalui aktiviti Badan Beruniform yang melibatkan murid daripada pelbagai kaum dan agama.	67.2
iv Saya berbangga jika dipilih mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)	46.0

Analisis tabulasi silang menggunakan statistik khi-kuasa dua antara kumpulan kaum dan persetujuan terhadap penghormatan agama Islam sebagai agama rasmi dan penghayatan nilai patriotisme murid bagi setiap pernyataan menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan dari segi peratus persetujuan. Kajian menunjukkan murid Melayu (95.1%) lebih menghormati agama Islam sebagai agama rasmi berbanding dengan kaum lain (antara 42.9% hingga 67.9%). Dalam kalangan murid bukan Melayu, lebih separuh murid Cina (57.8%) tidak menghormati agama Islam sebagai agama rasmi. Lebih ramai murid Melayu (94.5%) bersetuju sesi persekolahan ditamatkan awal pada hari Jumaat untuk membolehkan murid Islam menunaikan solat Jumaat, berbanding dengan murid-murid bukan Melayu (63.2% hingga 84.3%).

Analisis penghayatan nilai patriotisme mengikut kaum menunjukkan murid Melayu dan murid India lebih menghayati semangat cintakan Negara. Sebanyak 77.4% murid Melayu dan 76.4% murid India bersetuju semangat cintakan Negara dapat ditanam melalui aktiviti badan beruniform yang melibatkan murid daripada pelbagai kaum dan agama. Namun peratus persetujuan murid Cina adalah rendah (37.9%). Murid Melayu (57.9%) juga lebih berbangga jika terpilih mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) berbanding murid bukan Melayu. Dalam kalangan murid bukan Melayu pula, peratus murid kaum India (47.0%) lebih tinggi berbanding dengan murid Cina (19.7%) dan kaum lain (26.3%). Lihat Jadual 8.

Jadual 8 Penghormatan terhadap Agama Islam sebagai Agama Rasmi, dan Penghayatan Nilai Patriotisme Murid mengkut Kaum

Pernyataan	% Persetujuan Mengikut Kaum				
	M	C	I	L	Sig
i. Saya menghormati agama Islam sebagai agama rasmi negara Malaysia.	95.1	42.9	67.9	57.9	*
ii. Saya setuju sesi persekolahan di tamatkan awal pada hari Jumaat untuk membolehkan murid-murid Islam	94.5	64.7	84.3	63.2	*

menunaikan solat Jumaat.

iii.	Saya dapat menanamkan semangat cintakan negara (patriotisme) melalui aktiviti Badan Beruniform yang melibatkan murid daripada pelbagai kaum dan agama.	77.4	37.9	76.4	68.4	*
iv.	Saya berbangga jika dipilih mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)	57.9	19.7	47.0	26.3	*

* Khi kuasa-dua signifikan pada aras α = 0.05

Kesimpulannya, dari segi penghormatan terhadap agama Islam sebagai agama rasmi dan penghayatan nilai patriotisme dalam kalangan murid pelbagai kaum, didapati nilai-nilai tersebut lebih dihayati oleh murid Melayu berbanding murid bukan Melayu. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa faktor agama Islam yang mencirikan jati diri kebangsaan mengikut Hassan (2007) lebih dhayati oleh murid Melayu berbanding dengan murid daripada kumpulan etnik yang lain.

Penggunaan Bahasa Melayu dan Aktiviti Kokurikulum sebagai Alat Perpaduan

Hasil kajian mendapati semangat perpaduan kaum dalam kalangan murid yang dikaji dapat ditanam melalui aktiviti kokurikulum, aktiviti sukan dan permainan serta aktiviti kelab dan persatuan. Melalui aktiviti kokurikulum, ramai murid (76.7%) bersetuju semangat berpasukan dapat ditingkatkan melalui aktiviti kokurikulum dan 72.5% murid bersetuju bahawa mereka dapat bekerjasama dengan rakan daripada pelbagai kaum dan agama dalam aktiviti kokurikulum. Melalui aktiviti kokurikulum mereka (73.6%) juga dapat belajar daripada rakan-rakan sebaya daripada pelbagai kaum.

Lebih separuh murid (65.7%) bersetuju bahawa aktiviti kokurikulum dapat menghindarkan perasaan prejudis terhadap kaum lain. Lebih ramai murid yang suka melibatkan diri dalam aktiviti kelab dan persatuan yang melibatkan murid pelbagai kaum dan agama, sebaliknya tidak ramai (37.2%) yang suka melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan permainan yang melibatkan kaum yang sama. Sila lihat Jadual 9.

Jadual 9 Persepsi Murid tentang Penggunaan BM dan Aktiviti Kokurikulum sebagai Alat Perpaduan

	Pernyataan	**Setuju (%)**
i.	Dalam aktiviti pembelajaran, saya lebih suka berbincang dalam BM bersama-sama rakan pelbagai kaum dan agama	60.3
ii.	Penggunaan BM membolehkan saya bekerjasama dengan rakan-rakan daripada pelbagai kaum dana agama	63.0
iii.	BM dapat membantu saya memahami budaya Melayu	66.5
iv.	Saya dapat bekerjasama dengan rakan daripada pelbagai kaum dana gama dalam aktiviti kokurikulum	72.5

v.	Saya dapat belajar daripada rakan sebaya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama dalam aktiviti kokurikulum	73.6
vi.	Semangat berpasukan dapat saya tingkatkan melalui aktiviti kokurikulum	76.7
vii.	Perasaan prejudis terhadap kaum lain dapat dihindar melalui aktiviti kokurikulum yang melibatkan murid daripada pelbagai kaum dana gama	65.7
viii.	Saya lebih suka melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan permainan yang melibatkan kaum yang sama	37.2
ix.	Saya suka melibatkan diri dalam aktiviti kelab dan persatuan yang melibatkan murid daripada pelbagai kaum dan agama	65.5

Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Juriah et al. (2006) dan Rosilawati (2008) yang juga mendapati bahawa kokurikulum dapat memupuk perpaduan kaum secara berterusan dan menghindarkan perasaan prejudis terhadap kaum lain.

Penghayatan Jati Diri Kebangsaan Murid dan Kedwibahasaan

Apabila murid ditanya bahasa manakah yang mereka lebih suka gunakan jika kebolehan berbahasa Melayu dan berbahasa Inggeris mereka sama baik, 57.2% murid mengatakan mereka lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, hanya 16.2% mengaku menggunakan BI sepenuhnya dalam komunikasi. Sementara 41.0% pula lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris daripada bahasa Melayu. Ciri-ciri ini menunjukkan bahawa lebih separuh daripada murid mempunyai potensi untuk menjadi dwibahasa seimbang. Sementara itu, 42.7% daripada murid-murid Tingkatan 4 menunjukkan jati diri mereka terhadap bahasa Melayu, bahasa kebangsaan mereka, 3.0% menggunakan bahasa tersebut sepenuhnya dalam komunikasi mereka, sementara 39.8% pula menggunakan lebih banyak BM daripada BI.

Bukti daripada kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar (83.8%) daripada murid-murid mempunyai jati diri terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan menggunakannya dalam komunikasi. Namun terdapat sebilangan kecil murid (16.2%) mempunyai ciri-ciri berbahasa subtraktif yang menunjukkan identiti/jati diri terhadap bahasa global (bahasa Inggeris). Lihat Jadual 10.

Jadual 10 Kecekapan Dwibahasa Murid: Identiti dengan Bahasa Pertama dan Kedua

	Penggunaan BI dan BM dalam Komunikasi	Setuju (%)
i.	Menggunakan BI sepenuhnya	16.2
ii.	Menggunakan BI > BM	41.0
iii.	Menggunakan BM > BI	39.8
iv.	Menggunakan BM sahaja	2.9

Dapatan kajian ini menyokong dapatan Gao et al. (2005, 2007) yang mendapati jati diti / identiti diri pelajar di Universiti Beijing terhadap bahasa kedua mempunyai kaitan dengan faktor latar belakang pelajar seperti jantina, pengkhususan akademik, jangka masa pendedahan pembelajaran bahasa kedua, motivasi untuk pencapaian akademik dan pembangunan kendiri. Tegasnya, murid-murid bukan Melayu di SMK yang dikaji lebih bermotivasi untuk mengidentifikasikan diri mereka dengan bahasa Inggeris, bahasa global, yang lebih bermanfaat dalam era globalisasi. Amalan ini sekiranya tidak dibendung akan menghakiskan jati diri murid terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti mana yang berlaku kepada pelajar-pelajar di Singapura (Kamsiah 2000; Hoe 2009). Sekiranya amalan ini berlanjutan hasrat KPM untuk untuk membentuk warganegara yang berakar nasional/kebangsaan dan berakal glokal tidak akan menjadi satu realiti.

KESIMPULAN

Murid-murid dalam kajian ini didapati mengamalkan dwibahasa dalam pembelajaran dan aktiviti kokurikulum. Sebahagian besar daripada mereka menerima dan menghayati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar utama di sekolah. Namun, terdapat perbezaan terhadap penghayatan tersebut mengikut kaum. Kajian juga mendapati murid menggunakan bahasa Inggeris dalam pembelajaran Sains dan Matematik. Namun demikian, dalam aktiviti pembelajaran yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi, mereka sering mencampurkan kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Murid bukan Melayu lebih dominan berbahasa Inggeris dan menggunakannya dengan lebih kerap dalam pembelajaran. Sebaliknya, ciri dwibahasa murid Melayu dalam kajian lebih berbentuk dwibahasa terhad. Mereka sering mencampurkan kod bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris dalam pembelajaran. Dari segi penghayatan jati diri dari aspek agama Islam sebagai agama rasmi dan penghayatan nilai patriotisme, kajian mendapati kebanyakan murid menghormati agama Islam sebagai agama rasmi dan murid mengakui yang aktiviti kokurikulum dapat menanamkan semangat perpaduan dan patriotisme. Namun demikian, tidak ramai murid berbangga untuk mengikuti PLKN. Kajian juga mendapati penghayatan murid Melayu terhadap kedua-dua aspek jati diri ini lebih tinggi berbanding dengan murid bukan Melayu. Hasil kajian juga mendapati semangat perpaduan kaum dapat diterap melalui aktiviti kokurikulum. Melalui aktiviti ini murid daripada pelbagai kaum dapat berinteraksi dan bekerjasama dengan menggunakan bahasa Melayu. Aktiviti kokurikulum juga dapat menghindar perasaan prejudis terhadap kaum lain. Dapatan kajian juga menunjukkan sebilangan besar daripada murid-murid SMK mempunyai jati diri terhadap bahasa Melayu dan menggunakannya dalam komunikasi. Namun, terdapat sebilangan kecil murid yang menunjukkan identiti diri / jati diri mereka dengan bahasa Inggeris iaitu bahasa global. Tegasnya, dapatan kajian ini menyokong polisi Kementerian Pelajaran Malaysia untuk kembali semula kepada penggunaan bahasa Melayu bagi pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dan selanjutnya kementerian mengambil langkah-langkah yang positif untuk memartabatkan pembelajaran bahasa Melayu dan memantapkan pembelajaran bahasa

Inggeris di Sekolah Kebangsaan. Tindakan ini dapat menghindar kesan negatif polisi kedwibahasaan terhadap jati diri kebangsaan murid seperti yang dialami oleh negara Singapura. Di samping itu, Sistem Pendidikan Kebangsaan juga tidak mungkin berjaya untuk membentuk warganegara yang berakar glokal dan berakal global

RUJUKAN

Akta Pendidikan. 1996. *Lembaga Penyelidikan Undang-Undang 1998*. Kuala Lumpur: National Law Book Service.

Asmah Hj. Omar. 1988. English in Malaysia: A typology of its status and role. Kertas Kerja yang disampaikan dalam Regional Conference on Language Planning, National University of Singapore, 7 – 9 Sept. 1988.

Asmah Hj. Omar. 1998. Nasionisme dan Eksoglosia: Kes Bahasa Inggeris di Malaysia. Dlm. Abdullah Hasaan, *Perancangan bahasa di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Baker, C. 1988. *Key Issues in Bilingualism and Bilingual Education.* Clevedon: Multilingual Matters.

Balaetham, K. 1982. Bahasa Inggeris di sekolah aliran Melayu: sebab-sebab kelemahan. Dalam Ibrahim Saad (pnyt.). *Isu pendidikan di Malaysia,* hlm. 109-115. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Blom, J. P. & Gumperz, J.J. 1972. Social meaning in linguistic structure: Code-Switching in Norway. Dalam J.J. Gumperz and D. Hymes (eds), *Directions in Sociolinguistics.* New York: Holt, Rinehart and Winston: 407-34.

Bloomfield, L. 1933. *Language.* New York: Holt Rinehart and Winston.

Cummins, J. 1992. Bilingual Education and English immersion: The Ramirez report in theoretical perspective. *Bilingual Research Journal,* 16, pp. 91-104.

Cummins, J. 2003. Bilingual Education. Dlm Dewaele, J.M., Housen, A. & Li Wei. *Bilingualism: Beyond Basic Principles*. Clevedon: Multilingualism Matters Ltd.

Edwards, J. 2003. Bilingual education: Basic principles; Dlm Dewaste, J.M., Housen, A. & Li Wei. *Bilingualism: Beyond basic principles*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd.

Fishman, J.A. 1968. Nationality – Nationalism and nation – nationism. Dlm Fishman, J.A., Furgusin, C.A. * Gupta, J.D. (eds). Language problems of developing nations. New York: John Wiley and Sons, Inc.

Ghazali Shafie. 1997. Rumpun Melayu: cabaran dan masa depan tamadunnya. Dlm. Ismail Hassan, Wan Hashim & Ghazali Shafie (pnyt). *Tamadun Melayu menyonsong abad kedua puluh satu*. Bangi: Penerbit UKM.

Gao Yihong, Cheng Ying, Zhao Yuan & Zhou Yan. 2005. Self-Identity changes and English learning among Chinese undergraduates. *World Englishes*, Vol 24, No 1: 39-51

Gao Yihong, Zhao Yuan, Zhou Yan & Cheng Ying, &. 2007. Relationship between English learning Motivation Types and Self-Identity Changes Among Chinese Students. *TESOL QUARTERLY*, Vol 41, No 1, March 2007: 138-155.

Hashim Musa. 1996. Gelombang kedua hemegoni bahasa Inggeris dan kelunturan status bahasa Melayu: Cabaran dan saranan. *Jurnal Dewan Bahasa* 40(12): 1060-1070.

Hassan Ahmad. 2000. Mengapakah orang Melayu suka berbual-bual sesama bangsa sendiri dalam Bahasa Inggeris. Dalam Hassan Ahmad. *Imbasan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 27-33.

Hassan Ahmad. 2007. Nasionalisme dan pejuang bahasa. Dlm Abdullah Hassan, *Mengapa kami bantah*!. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.

Haugen, E. 1953. *The Norwegian Language in America.* Philadelphia, PA: Pennsylvania University Press. Reissued by Indiana University Press in Bloomington, 1969.

Hoe Yeen Lee. 2009. Insistence on bilingualism in early years of education policy was wrong. http://www.channelnewsasia.com/stories/Singapuralocalnews/view/1018826/1/html.

Juriah Long & Zanaton Hj Ikhsan. 2008. Keperluan Bahasa Melayu bagi Pemahaman Konsep Sains: Satu Dilema dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sains dalam Bahasa Inggeris. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Melayu ke-4 anjuran UPM & Dewan Bahasa dan Pustaka. 11-12 November 2008.

Juriah Long, Khalid Abdullah, Nooreiny Maarof, Zaharani Ahmad, Teo Kok Seong, Nor Hashimah Jalaludin, Mustafa Omar, Puteh Mohamed, Zarin Ismail & Zanaton Haji Ikhsan. 2005. Kajian perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dalam konteks kepelbagaian murid. Projek GG007/2004, Fakulti Pendidikan, UKM.

Kamsiah Abdullah. 2000. Sikap, penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu di Singapura. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)*. Putrajaya: KPM.

Kenyataan Akhbar Menteri Pendidikan. 2002. Kenyataan Akhbar YB Tan Sri Musa Mohamad mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. 20 Julai. http://www.moe.gov.my/keratan BI.asp [20 Julai 2002]

Li Wei. 2000. *The Bilingualism Reader.* London: Routledge.

Ludi, G. 2003. Code-Switching and un-balanced bilingualism. Dalam Dewaele, J.M., Housen, A. & Li Wei. *Bilingualism: Beyond Basic Principles*. Clevedon: Multilingualism Matters Ltd.

Mackey, W.F. 1962. Bilingual interface. *Canadian Journal of Linguistic 7:* 51-85.

Mahathir Mohamed. 1991. *Malaysia: The way forward*. Kuala Lumpur: Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri.

Marlyna Maros & Kamariah Hassan. 2007. Teaching science in English in a multilingual Malaysia: Aspiration, concerns and realities. *Jurnal Persatuan Linguistik*. Jilid 8: 149-72.

Nair-Venugopal, Shanta. 2000. *Language choice and communication in Malaysia business.* Bangi: Penerbit UKM.

Najib Tun Abdul Razak. 2005. Teks ucapan YAB Dato Seri najib Tun Abdul Razak di Perhimpunan Agung UMNO, 2005.

Ng Bee Chin & Wigglesworth, G. 2007. *Bilingualism: an advanced resource book.* London and London: Routledge.

Nik Safiah. 2004. Bahasa Melayu dalam Cabaran Globalisasi. Dalam Awang Sariyan, Sumbang Salah Kumpulan Esei mengenang jasa Asraf. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 2004: 219-229.

Nor Azmi Mostafa. 2004. *Bilingualism and Its Relationships with Intelligence and Academic Achievement.* Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Pakir, A. 1994. Educational linguistics: looking to the east. *Georgetown University Round Table on Languages and Linguistics,* 370-383.

Rashidah bt Mamat. 2007. Integrasi nasional: tahap keselesaan dan interaksi dan toleransi pelajar sekolah menengah. Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara Ketiga: Dasar dan Pelaksanaan Fakulti Pendidikan, UKM hal. 397 – 408.

Rosilawati bt Ahmad @ Mat Yusof. 2008. Sosialisasi perpaduan kaum dalam kokurikulum. Projek Penyelidikan. Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM.

Spolsky, B. 2004. *Sociolinguistics.* Oxford: Oxford University Press.

Sridhar, K.K. 1996. Societal Multilingualism. Dalam Sandra Lee McKay & N.H. Hornberger (ed). *Sociolinguistics and Language teaching.* Cambridge: Cambridge University Press.

Taib Osman. 1986. Bahasa kebangsaan dan masa depan bangsa dan negara. *Jurnal Dewan Bahasa,* 30(8): 540-548.

Tarbouret-Keller, A. 1997. Language and identity. Dlm Coulmas, F. (ed). *The handbook of sociolinguistics*. Oxford; Blackwill Publisher.

Weinrich, U. 1953. *Language in Contact: Findings and Problems.* New York: The Linguistic Circle of New York. Reissued by Mouton in the Hauge, 1968.

Zulkifley Hamid. 1990. Masa depan bahasa Inggeris di Malaysia: satu tinjauan ringkas. *Jurnal Dewan Bahasa,* 34(3): 183-188